

PERSPEKTIF SYARIAH DAN REALITI SEMASA

Boikot McDonald's Malaysia?

Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
dan Barisan Penyelidik Maktabah al-Bakri

Sebuah Karya Terbitan



Dengan Kerjasama



PENGARAH SYARIKAT: **Hjh. Zainab Bt Hj. Sirat**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF: **Mohammad Hasanain bin Zulkifli**
KETUA PEGAWAI OPERASI: **Mohamad Osman bin Mohd Nor**
EKSEKUTIF JUALAN: **Muhammad Ridzuan bin Md Ridzal**
EKSEKUTIF MEDIA: **Nur Fatimah Atirah binti Ghazali**
EKSEKUTIF PENTADBIRAN: **Noor Hanani binti Munawer**
KONSEP & GRAFIK: **Yuzairy bin Mohd Ayub**
PENULIS: **Dato Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri**

EDITOR SYARIAH:

**Mohamad Razif Mohamad Fuad, Tengku Ibrahim Helmi bin Tengku Mohammad,
Syahirul Idzhar bin Sham Suri, Muhammad Hariz Hazmi Bin Abdul Hamid,
Muhammad Dawud al-Hawariy bin Hamizan, Mohammmd Hasanain bin Zulkifli
dan Abdul Rahman bin Abd Kodir**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan fotokopi dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun samada fotokopi, mekanikal, rakaman, elektronik atau cara-cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada PUSTAKA CAHAYA KASTURI.



Cataloguing-in-Publication Data

Perpustakaan Negara Malaysia

A catalogue record for this book is available
from the National Library of Malaysia

ISBN 978-967-26555-1-0 (paperback)

Diterbitkan oleh:

MAKTABAH ALBAKRI SDN BHD

Lot 15211, Kampung Kubang, Jalan Salak - Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel : 019-663 9624 Emel : maktabahalbakri@gmail.com
Laman Portal : www.maktabahalbakri.com

Dicetak oleh:

FIRDAUS PRESS SDN BHD

No. 28 Jalan PBS 14/4, Taman Perindustrian Bukit Serdang 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.
Tel/Faks : 03-8940 5595 Emel : onlineprint@gmail.com

ISI KANDUNGAN

Mukadimah	v
-----------------	---

BAB 1

Definisi dan Sejarah Boikot

Definisi Boikot dan <i>Muqata'ah</i>	1
Contoh Boikot Ekonomi dalam Sejarah	4

BAB 2

Prinsip Syariah dalam Pendekatan Boikot

Hubungan Pemboikotan Ekonomi dengan	9
Pertimbangan Masalah dan Pencegahan Kemudharatan	
Keadaan Hukum Pemboikotan: Wajib, Sunat, atau Haram	11

BAB 3

Mengenali McDonald's dan McDonald's Malaysia

Asal-usul dan Kejayaan Global McDonald's	15
Latar belakang McDonald's Malaysia	17
Sumbangan McDonald's Malaysia	20

BAB 4

Isu Boikot McDonald's Malaysia

Analisis Syariah dan Realiti di Malaysia	31
Pendapat Ulama tentang Boikot McDonald's	35
• Syeikh Abdullah bin Bayyah	36
• Syeikh Dr. Ahmad bin 'Abd al-'Aziz al-Haddad	39
• Syeikh Dr Sulaiman al-Ruhayli	40
• Syeikh Usamah Sulaiman	41
Keputusan Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI)	42
Pandangan Kami	47
Beberapa Cadangan	50
Penutup	51
Bibliografi	55



Mukadimah

A lhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke Hari Kesudahan.

Pertama sekali, marilah kita menginsafi apa yang menimpa saudara-saudara kita di bumi Gaza, Palestin, yang dihujani dengan peluru berpandu, bom, dan senjata sehingga mengorbankan lebih 46,000 nyawa, termasuk 17,000 kanak-kanak. Angka ini terus meningkat dari semasa ke semasa. Peperangan ini masih berlanjutan walaupun telah menghampiri tempoh dua tahun, tidak termasuk sejarah panjang lebih 70 tahun penjarahan oleh Zionis Israel.



Selain itu, jumlah mangsa yang cedera juga terus meningkat, kini mencecah ratusan ribu. Kediaman yang musnah pula tidak dapat dihitung, semuanya akibat serangan membabi buta tanpa belas kasihan. Keadaan ini memperlihatkan betapa murahnyanya nyawa manusia, terutamanya rakyat Gaza, di mata rejim Zionis Israel. Maklumat terkini menunjukkan bahawa gencatan senjata telah berlaku pada 19 Januari 2025, diikuti dengan proses pertukaran tawanan perang. Alhamdulillah.

Menyedari betapa pentingnya isu ini, ramai umat Islam mengambil langkah proaktif untuk bertindak balas mengikut kemampuan masing-masing. Usaha ini bukan sekadar luahan emosi, tetapi diterjemahkan melalui tindakan nyata seperti memboikot barangan dan syarikat yang secara langsung atau tidak langsung menyokong dan membantu Israel. Tindakan ini dianggap simbolik bagi memberi tekanan kepada pihak-pihak yang menyumbang kepada konflik di Palestin.

Sehubungan itu, beberapa pihak di luar telah menyenaraikan beberapa jenama dan syarikat terkenal yang dikaitkan dengan sokongan kepada Israel untuk diboikot oleh pengguna. Antara jenama yang disenaraikan adalah McDonald's, sebuah rangkaian restoran khidmat segera yang sangat terkenal, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat global. Kejayaan McDonald's dalam menembusi pasaran dunia sememangnya luar biasa, menjadikannya salah satu jenama yang paling dikenali di seluruh dunia.



**“
Tindakan ini
dianggap simbolik
bagi memberi
tekanan kepada
pihak-pihak yang
menyumbang
kepada konflik di
Palestin.
”**

Isu ini telah mencetuskan perbincangan hangat di media sosial, dengan pelbagai pandangan dan hujah dikemukakan. Perbincangan ini tidak hanya berkisar tentang makanan tetapi turut menyentuh soal tanggungjawab sosial dan politik, khususnya berkaitan dengan operasi McDonald's di Malaysia.

Berhubung perkara ini, pihak pengurusan McDonald's di Malaysia iaitu Gerbang Alaf Restaurants Sdn. Bhd. telah datang bertemu kami. Dalam pertemuan tersebut, kami mengambil peluang untuk bertanya pelbagai isu berkaitan syarikat ini, baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Langkah ini penting kerana sebelum membuat sebarang keputusan, kita mestilah mendapatkan gambaran yang jelas. Dalam hal ini, terdapat kaedah yang menyatakan:

الْحُكْمُ عَلَى الشَّيْءِ فَرَعٌ عَنْ تَصَوُّرِهِ

Maksudnya: “Hukum atas sesuatu perkara terbina atas pemahaman keseluruhan perkara tersebut.” (Lihat *Syarh al-Kaukab al-Munir*, 1/50).

Selain itu, kaedah lain juga menekankan supaya kita berhati-hati dalam membuat keputusan atau menerima berita agar berlaku adil kepada semua pihak yang terlibat:

إِنْ كُنْتَ نَاقِلًا فَعَلَيْكَ بِالتَّصْحِيحِ وَإِنْ كُنْتَ مُدَّعِيًا فَعَلَيْكَ بِالدَّلِيلِ

“Jika kamu ingin menukulkan sesuatu, maka pastikan kesahibannya terlebih dahulu.

Dan jika kamu ingin membuat dakwaan, maka hendaklah mengemukakan bukti.”

Oleh itu, dalam kajian ini yang kami namakan sebagai **“Boikot McDonald’s Malaysia? — Perspektif Syariah dan Realiti Semasa”**, kami mengambil tempoh yang panjang, hampir setahun setengah, untuk melengkapkan dapatan kajian ini. Penyelidikan ini dimulakan dua bulan selepas peristiwa *Taufan al-Aqsa* pada akhir tahun 2023. Tujuannya adalah untuk

memastikan isu yang dibentangkan ini dilengkapi dengan maklumat yang benar-benar difahami dan dihadap. Selain itu, kami turut mendapatkan pandangan daripada para ulama kontemporari bagi memastikan ketepatan dapatan kajian.

Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada sahabat-sahabat di Palestin, khususnya di Gaza, atas peristiwa yang menyebabkan kehilangan nyawa, kecederaan, dan kemusnahan tempat tinggal serta harta benda akibat kekejaman rejim Zionis Israel. Semoga Allah SWT memberikan ketabahan dan bantuan kepada mereka. Kami katakan:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Maksudnya: “*Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.*”¹

(Surah al-Baqarah: 156)

1 Begitulah petunjuk yang telah diberikan melalui wahyu yang mana apabila berlakunya musibah (kesusahan), maka antara ciri-ciri mereka yang bersabar dengan musibah tersebut adalah mereka mengucapkan istirja' iaitu ucapan: “إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ”. Dalam menjelaskan erti kalimat istirja' ini, Imam al-Qurtubi menyebutkan, Allah SWT menjadikan kalimat ini sebagai sandaran bagi orang yang ditimpa musibah, dan perlindungan bagi mereka yang sedang menjalani ujian. Ini kerana, kalimat ini mengandungi banyak makna yang berkat. Kalimat ‘إِنَّا لِلَّهِ’ adalah tauhid dan pengakuan terhadap ubudiyyah (status kita sebagai hamba) dan kekuasaan Allah). Manakala kalimat ‘وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ’ adalah pengakuan bahawa kita akan binasa, dan akan dibangkitkan dari alam kubur. Kalimat ini juga mengandungi keyakinan bahawa semua urusan kembali kepada-Nya, sebagaimana semua ini milik-Nya. (Lihat *al-Jami‘ li Ahkam al-Quran*, 2/176).

“

**Perbincangan ini tidak hanya
berkisar tentang makanan
tetapi turut menyentuh soal
tanggungjawab sosial dan politik,
khususnya berkaitan dengan operasi
McDonald's di Malaysia.**

”

BAB 1

Definisi dan Sejarah Boikot


Definisi Boikot (*Muqata'ah*)

Boikot atau *muqata'ah* merupakan fenomena sosial dan ekonomi yang semakin mendapat perhatian di peringkat antarabangsa. Istilah ini sering dikaitkan dengan tindakan kolektif untuk mencapai perubahan dalam dasar atau tindak tanduk sesuatu pihak.

Dalam Bahasa Melayu, boikot ditakrifkan sebagai tindakan enggan berurusan dengan seseorang, organisasi, atau pihak tertentu, biasanya untuk menyatakan rasa tidak bersetuju atau memaksa individu atau institusi berkenaan menerima syarat tertentu. Istilah ini memberikan gambaran bahawa tindakan boikot adalah strategi protes yang mempunyai matlamat tertentu.¹

¹ Lihat <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=boikot>. Diakses pada 10 Januari 2025.

Dalam Bahasa Inggeris, istilah ini dikenali sebagai “*boycott*,” yang bermaksud penolakan secara kolektif untuk berurusan dengan seseorang, sebuah kedai, organisasi, atau pihak lain, biasanya untuk menyatakan ketidaksetujuan atau memaksa penerimaan terhadap syarat-syarat tertentu.² Penggunaan istilah ini mula terkenal pada abad ke-19 apabila Charles Boycott, seorang pemungut cukai, menjadi sasaran protes kolektif masyarakat Ireland.



Charles Cunningham
Boycott

Adapun dalam Bahasa Arab, istilah ini dikenali sebagai *al-muqata'ah* (المُقَاتَعَةُ), yang secara literal bermaksud “memutuskan hubungan atau melenyapkan sesuatu”. Rujukan kepada makna ini boleh didapati dalam *Mu'jam Maqayis al-Lughah* (hlm. 398), yang mengaitkannya dengan tindakan memutuskan hubungan sebagai bentuk tekanan atau protes.

Dari segi istilah, terdapat beberapa takrif yang diberikan, antaranya:

- Enggan bermuamalah sama ada dengan individu, badan-badan tertentu, atau negara. (Lihat ***al-Mausu'ah al-Arabiyyah al-Alamiyyah***, 23/561)

² Lihat <https://www.merriam-webster.com/dictionary/boycott>. Diakses pada 10 Januari 2025.

- Enggan mengadakan hubungan, sama ada dari segi ekonomi atau sosial, mengikut peraturan umum yang telah ditetapkan. (Lihat ***al-Mu'jam al-Wasit***, 2/745)

Kedua-dua definisi ini menekankan sifat kolektif dan terancang dalam tindakan boikot, yang membezakannya daripada sekadar tindakan individu.

Selain itu, maksud *muqata'ah* atau boikot dalam konteks ekonomi juga adalah menegah daripada melakukan sebarang urusan dengan pihak lain dari sudut ekonomi, mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Tujuan utamanya adalah untuk memberi tekanan kepada pihak tersebut agar mengubah dasar atau tindakannya berdasarkan isu tertentu. (Lihat ***al-Muqata'ah al-Iqtisadiyyah: Haqiqatuha wa Hukmuha***, hlm. 16)

Melalui perbandingan definisi di atas, dapat dilihat bahawa boikot dan *muqata'ah* mempunyai elemen universal yang merangkumi tindakan kolektif, niat untuk memberi tekanan, dan matlamat tertentu. Dalam konteks ekonomi, *muqata'ah* sering kali bertujuan untuk menegah sebarang urusan dengan pihak lain berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan. Namun, keberkesanan boikot bergantung kepada beberapa faktor seperti sokongan massa, pengurusan strategi, dan impak ekonomi terhadap pihak yang disasarkan. Sebagai contoh, kempen boikot produk Israel oleh masyarakat antarabangsa menunjukkan bagaimana *muqata'ah* boleh menjadi alat untuk menyuarakan solidariti terhadap Palestin.

Contoh Boikot Ekonomi dalam Sejarah

Boikot ekonomi merupakan salah satu strategi yang sering digunakan sepanjang sejarah untuk mencapai matlamat politik, sosial, atau ekonomi. Tindakan ini melibatkan sekatan terhadap aktiviti perdagangan, interaksi sosial, atau perniagaan dengan pihak tertentu.

Antara contoh paling nyata berkaitan isu boikot ekonomi sejak zaman dahulu adalah seperti berikut:

- **Boikot oleh Orang Quraisy terhadap Bani Hasyim dan Bani al-Muttalib**

Salah satu contoh terawal boikot ekonomi dalam sejarah Islam adalah tindakan orang Quraisy terhadap Bani Hasyim dan Bani al-Muttalib. Boikot ini melibatkan larangan ke atas perkahwinan, jual beli, dan sebarang interaksi sosial dengan kedua-dua kabilah ini. Boikot yang berlangsung selama dua atau tiga tahun ini bertujuan untuk memaksa Bani Hasyim dan Bani al-Muttalib menghentikan sokongan mereka kepada Nabi Muhammad SAW.

Menurut Ibn Kathir dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah* (3/76), tekanan ini menyebabkan kesukaran yang luar biasa, termasuk kelaparan dan penderitaan yang meluas. Namun, solidariti dan ketabahan masyarakat yang diboikot berjaya menggagalkan tujuan utama boikot tersebut. Peristiwa ini

menunjukkan bagaimana boikot ekonomi boleh digunakan untuk meminggirkan kumpulan tertentu, tetapi juga bagaimana kesatuan dalaman dapat menjadi kekuatan untuk bertahan.

■ **Thumamah bin Uthal R.A³ dan Boikot terhadap Quraisy**

Kisah Thumamah bin Uthal R.A adalah contoh lain peng-gunaan boikot ekonomi dalam sejarah Islam. Setelah memeluk Islam, beliau menyekat penghantaran gandum dari Yamamah ke Quraisy sehingga mendapat izin Nabi Muhammad SAW. Beliau dengan tegas berkata kepada golongan kafir Quraisy:

3 Dalam kempen ketenteraan pertama untuk menundukkan musuh dan lawan selepas Perang Ahzab dan pertempuran dengan Bani Quraizah, Rasulullah SAW telah mengutuskan Muhammad bin Maslamah RA bersama tiga puluh orang penunggang kuda untuk melancarkan serangan ke atas suku Najd dari kalangan Bani Bakar bin Kilab yang tinggal di kawasan Qarta', sejauh tujuh malam perjalanan dari Madinah. Peristiwa ini berlaku pada hari kesepuluh bulan Muharram tahun keenam Hijrah. Mereka bergerak ke arah musuh dengan strategi bersembunyi pada siang hari dan berjalan pada waktu malam sehingga berjaya menyerang mereka secara mengejut. Dalam serangan tersebut, sepuluh orang daripada musuh terbunuh, manakala selebihnya melarikan diri. Kaum Muslimin berjaya merampas unta dan ternakan mereka sebagai harta rampasan perang. Dalam perjalanan pulang, kaum Muslimin telah menawan Thumamah bin Uthal al-Hanafi, pemimpin Bani Hanifah, namun mereka tidak mengenalnya. Mereka membawanya ke Madinah dan mengikatnya pada salah satu tiang masjid. Apabila Rasulullah SAW melihat Thumamah, baginda mengenalnya dan berbicara dengannya. Setelah itu, baginda memerintahkan supaya dia dibebaskan. Thumamah, yang terkesan dengan suasana masjid, interaksi dengan para sahabat, dan sikap mulia Rasulullah SAW yang memaafkannya serta membebaskannya tanpa syarat, segera mengisytiharkan keislamannya.

وَاللّٰهُ لَا يَأْتِيكُمْ مِّنَ الْيَمَامَةِ حَبَّةٌ حِنْطَةٍ حَتَّى يَأْذَنَ
فِيهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Demi Allah, tidak akan datang sebiji kurma atau barli dari Yamamah kepada kalian sehingga Nabi SAW mengizinkan.”

Riwayat al-Bukhari (4372)

Langkah ini bukan sahaja melemahkan ekonomi Quraisy, tetapi juga menunjukkan keberkesanan boikot ekonomi sebagai alat untuk menekan pihak lawan. Dalam konteks semasa, strategi ini boleh dibandingkan dengan sekatan perdagangan yang dikenakan oleh negara terhadap pihak tertentu.

■ Gerakan Pembebasan Ireland

Pada akhir abad ke-19, gerakan pembebasan Ireland memberikan satu lagi contoh signifikan boikot ekonomi. Peladang Ireland enggan menjual hasil pertanian mereka kepada wakil Inggeris sebagai bentuk protes terhadap penguasaan kolonial. Menurut **al-Qamus al-Siyasi** (hlm. 1501), tindakan ini memperlihatkan bagaimana boikot ekonomi dapat menjadi simbol perjuangan dan solidariti dalam kalangan masyarakat yang ditindas.

■ **Boikot Ekonomi di Eropah Selepas Perang Dunia Kedua**

Selepas tamat Perang Dunia Kedua (1939-1945), ramai masyarakat Eropah enggan membeli barangan buatan Jerman. Tindakan ini berpunca daripada ingatan kolektif terhadap penderitaan akibat penaklukan Jerman ke atas negara mereka. Berdasarkan *al-Mausu'ah al-Arabiyyah al-'Alamiyyah* (23/561), boikot ini memainkan peranan penting dalam mencerminkan kemarahan masyarakat terhadap kekejaman perang, selain memulihkan semangat nasionalisme.

■ **Boikot Ekonomi oleh al-Malik Faisal**

Selepas Perang Arab-Israel pada tahun 1967 dan 1973, Duli Yang Maha Mulia al-Malik Faisal rahimahullah, Penjaga Dua Tanah Haram dan Raja Arab Saudi menggunakan boikot ekonomi sebagai senjata politik. Beliau mengarahkan penghentian eksport petrol Saudi ke Britain dan Amerika Syarikat sebagai tindak balas terhadap sokongan mereka kepada Israel. Menurut *al-Qamus al-Siyasi* (hlm. 1121), tindakan ini memberikan tekanan besar kepada ekonomi negara yang terlibat, sekali gus menonjolkan kekuatan ekonomi sebagai alat diplomasi antarabangsa.

Setiap contoh di atas memperlihatkan bagaimana boikot ekonomi digunakan dalam pelbagai konteks untuk mencapai matlamat tertentu. Walaupun kesannya berbeza-beza, faktor kejayaan boikot sering bergantung kepada:

- **Solidariti dan ketekunan masyarakat yang terlibat.**
- **Keupayaan pihak yang memboikot untuk bertahan daripada kesan balas ekonomi.**
- **Sokongan antarabangsa terhadap tindakan tersebut.**

Sebagai contoh, boikot oleh orang Quraisy gagal kerana kekuatan solidariti Bani Hasyim, manakala boikot oleh Duli Yang Maha Mulia al-Malik Faisal berjaya menarik perhatian global terhadap isu Palestin.

Boikot ekonomi telah membuktikan keberkesanannya sebagai alat perubahan sosial dan politik sejak zaman dahulu. Namun, keberkesanan strategi ini bergantung kepada konteks, pelaksanaan, dan matlamat yang jelas.



“
Boikot ekonomi merupakan salah satu strategi yang sering digunakan sepanjang sejarah untuk mencapai matlamat politik, sosial, atau ekonomi.
”

BAB 2

Prinsip Syariah dalam Pendekatan Boikot

Hubungan Pemboikotan Ekonomi dengan Pertimbangan Masalah dan Pencegahan Kemudharatan

Pemboikotan ekonomi merupakan salah satu strategi penting dalam mengimbangi manfaat (masalah) dan kemudharatan (mafsadah). Sebagai salah satu bentuk jihad, pemboikotan ini bertujuan memberi tekanan kepada pihak yang melakukan kezaliman, di samping mencapai matlamat syarak seperti menegakkan keadilan dan mengurangkan kezaliman.

Hubungan antara pemboikotan ekonomi dengan kaedah "*Pertimbangan Masalah dan Pencegahan Kemudharatan*" dapat dilihat melalui hakikat bahawa pemboikotan ekonomi adalah salah satu bentuk jihad yang memenuhi sebahagian maqasid (tujuan) jihad. Antaranya termasuk mendatangkan mudarat

kepada golongan kafir dan menimbulkan kemarahan mereka. Selain itu, ia berfungsi sebagai tekanan terhadap mereka, yang berpotensi mendorong mereka menghentikan kezaliman dan penindasan atau sekurang-kurangnya mengurangkannya. Oleh itu, pemboikotan ini mencapai masalah besar yang perlu diutamakan dan dipertimbangkan.

Namun begitu, pelaksanaan pemboikotan ekonomi tidak semestinya menjamin pencapaian masalah. Keberkesanannya sering bergantung kepada konteks zaman dan tempat. Oleh itu, apabila pemboikotan ekonomi dipertimbangkan sebagai alat untuk memberi tekanan, pendekatan *fiqh mizanah* (pertimbangan antara masalah dan mafsadah) perlu diterapkan. Pendekatan ini menuntut penilaian mendalam terhadap potensi kesan pemboikotan, sama ada ia membawa manfaat yang diharapkan atau sebaliknya menimbulkan mudarat yang lebih besar. Hal ini penting kerana tindakan yang mengakibatkan kehilangan masalah lebih besar atau menyebabkan *mafsadah* lebih besar bertentangan dengan tujuan syarak. Matlamat utama syarak ialah membawa masalah dan menyempurnakannya serta menolak *mafsadah* dan mengurangkannya (Lihat ***al-Muqata'ah al-Iqtisadiyah Haqiqatuhu wa Hukmuha***, hlm. 57-58).

Justeru, pemboikotan ekonomi hanya dapat dianggap berkesan dalam jihad apabila ia selaras dengan kaedah *fiqh mizanah* dan tidak menimbulkan kemudaratan yang lebih besar daripada manfaat yang diharapkan. Oleh itu, sebarang tindakan pemboikotan perlu dirancang secara teliti berdasarkan prinsip

syarak agar masalah dapat dimaksimumkan dan *mafsadah* diminimumkan.

Keadaan Hukum Pemboikotan: Wajib, Sunat, atau Haram

Pemboikotan ekonomi terhadap golongan kafir dianggap sebagai salah satu bentuk jihad di jalan Allah, dengan syarat ia dilakukan dengan niat mendekatkan diri kepada Allah SWT serta bertujuan memberi tekanan kepada golongan kafir yang melakukan kezaliman terhadap umat Islam. Ia juga boleh dijadikan alat untuk membantu menghapuskan atau mengurangkan kezaliman terhadap umat Islam, selain membawa manfaat dan kemaslahatan kepada mereka.

Oleh kerana tujuan utama pemboikotan ekonomi adalah untuk mencapai kemaslahatan atau menolak kemudaratan, terdapat dua aspek penting yang perlu diberi perhatian. Penilaian hukum pemboikotan ekonomi bergantung kepada sama ada kedua-dua aspek ini dapat dicapai, tidak dicapai, atau hanya salah satu daripadanya yang tercapai. Dua aspek tersebut ialah:

- Pemboikotan ekonomi mencapai kemaslahatan, iaitu mendatangkan mudarat kepada golongan kafir dan memberi tekanan kepada mereka.

- Pemboikotan ekonomi tidak menyebabkan *mafsadah* yang lebih besar daripada *mafsadah* yang ingin dihapuskan atau dikurangkan.

Dengan mengambil kira kedua-dua aspek ini, terdapat empat keadaan yang boleh berlaku:

Pertama: Kedua-dua aspek tersebut tercapai, iaitu terdapat sangkaan kuat bahawa pemboikotan akan mendatangkan mudarat kepada golongan kafir dan tidak membawa kepada *mafsadah* yang lebih besar daripada *mafsadah* yang ingin dihapuskan atau dikurangkan. Dalam keadaan ini, pemboikotan dihukumkan sebagai **wajib**.

Kedua: Kedua-dua aspek tersebut tidak tercapai, iaitu pemboikotan ekonomi tidak mendatangkan mudarat kepada golongan kafir dan pada masa yang sama menyebabkan *mafsadah* yang lebih besar daripada *mafsadah* yang ingin dihapuskan atau dikurangkan. Dalam keadaan ini, pemboikotan dihukumkan sebagai **haram**.

Ketiga: Aspek pertama tercapai, tetapi aspek kedua tidak. Dalam keadaan ini, terdapat sangkaan kuat bahawa pemboikotan ekonomi akan mendatangkan mudarat kepada golongan kafir, namun ia juga menyebabkan *mafsadah* yang lebih besar daripada *mafsadah* yang ingin dihapuskan atau dikurangkan. Keadaan ini membawa kepada konflik antara kemaslahatan dan *mafsadah*. Jika

mafsadah lebih dominan, kemaslahatan tidak diambil kira. Malah, jika kemaslahatan dan *mafsadah* adalah seimbang, prinsip syarak mendahulukan pencegahan *mafsadah* daripada menarik kemaslahatan.

Keempat: Aspek pertama tidak tercapai, tetapi aspek kedua tercapai, iaitu pemboikotan ekonomi tidak mendatangkan mudarat kepada golongan kafir dan pada masa yang sama tidak menyebabkan *mafsadah* yang lebih besar daripada *mafsadah* yang ingin dihapuskan. Dalam keadaan ini, pemboikotan dihukumkan sebagai **sunat**, kerana ia berfungsi sebagai satu cara untuk menyatakan bantahan dan rasa tidak puas hati terhadap tindakan agresif golongan kafir.



“
**Pemboikotan
ekonomi dalam Islam
harus dinilai dengan
teliti berdasarkan
prinsip syarak yang
mengutamakan
kemaslahatan
dan mengelakkan
mafsadah**
”

Adalah penting untuk ditekankan bahawa tanggungjawab menimbang antara kemaslahatan dan mafsadah terletak pada golongan yang mendalam ilmunya. Mereka adalah individu yang memahami dalil syarak serta realiti semasa dengan baik. Hal ini bukanlah bidang yang sesuai untuk orang awam atau mereka yang tidak mempunyai keahlian dalam bidang tersebut. (Lihat ***al-Muqata'ah al-Iqtisadiyah Haqiqatuha wa Hukmuha***, hlm.72-75)

Kesimpulannya, pemboikotan ekonomi dalam Islam harus dinilai dengan teliti berdasarkan prinsip syarak yang mengutamakan kemaslahatan dan mengelakkan *mafsadah*. Dalam situasi tertentu, ia menjadi kewajiban, perbuatan yang dianjurkan, atau dilarang bergantung kepada kesan dan implikasinya. Oleh itu, penting bagi umat Islam untuk merujuk kepada ulama yang berkeelayakan dalam menilai keputusan ini, kerana pemboikotan bukan sekadar tindakan simbolik tetapi juga tanggungjawab strategik. Sebagai umat Islam, kita diseru untuk bersatu dan mengambil langkah yang mendatangkan manfaat kepada ummah, sambil sentiasa berpegang teguh pada prinsip Syarak.



BAB 3

Mengenali McDonald's dan McDonald's Malaysia

McDonald's adalah jenama restoran khidmat segera yang tidak asing lagi di seluruh dunia. Kejayaan jenama ini bukan sahaja terletak pada strategi pemasaran yang agresif, tetapi juga pada kemampuan untuk menyesuaikan operasinya mengikut budaya dan keperluan tempatan. Dalam konteks Malaysia, McDonald's memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai perniagaan, tetapi juga sebagai salah satu pemain utama dalam industri makanan segera yang menyumbang kepada ekonomi tempatan.

Asal-usul dan Kejayaan Global McDonald's

McDonald's bermula sebagai restoran kecil yang dibuka pada 14 April 1955 di Illinois, USA. Hari ini, ia telah berkembang menjadi salah satu rangkaian restoran terbesar di dunia, dengan fakta-fakta berikut:

PERSPEKTIF SYARIAH DAN REALITI SEMASA

Boikot McDonald's Malaysia?

- ✓ **Capaian Global:** McDonald's beroperasi di lebih 100 negara, memberi khidmat kepada lebih 70 juta pelanggan setiap hari.
- ✓ **Majikan Utama:** Dengan hampir 40,000 restoran di seluruh dunia, McDonald's adalah salah satu majikan terbesar dengan hampir dua juta pekerja.
- ✓ **Kehadiran di Negara Arab:** Rangkaian McDonald's terdapat di negara-negara Arab seperti Arab Saudi, Mesir, Bahrain, Jordan, Kuwait, Emiriah Arab Bersatu (UAE) termasuk di kota suci Makkah dan Madinah.
- ✓ **Entiti Komersial Global:** Sebagai syarikat yang tersenarai di Bursa Saham New York (NYSE), McDonald's dimiliki oleh sejuta pemegang saham, termasuk umat Islam.

Kejayaan ini menunjukkan fleksibiliti McDonald's dalam memenuhi keperluan pelbagai budaya, sekaligus membuktikan kemampuannya sebagai entiti perniagaan global yang kukuh.



McDonald's di Riyadh,
Arab Saudi.

Latar belakang McDonald's Malaysia

Sejarah dan Operasi Awal

McDonald's Malaysia membuka restoran pertamanya di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, pada 29 April 1982. Sejak itu, jenama ini terus berkembang pesat dan kini menjadi salah satu rangkaian makanan segera terbesar di Malaysia. McDonald's Malaysia (Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd) telah sepenuhnya diambil alih oleh syarikat Reza Group dari Arab Saudi bersama seorang rakan niaga tempatan sejak tahun 2017, menjadikan syarikat McDonald's Malaysia 100% dimiliki oleh pihak beragama Islam sehingga hari ini.



Pembukaan besar di restoran pertama di Malaysia, McDonald's Jalan Bukit Bintang pada tahun 1982.

Model Perniagaan

- **Sistem Master Franchise:** Operasi McDonald's Malaysia dijalankan di bawah model *master franchise*, di mana restoran-restorannya dimiliki terus oleh Reza Group dari Arab Saudi.
- **Pemilikan Tempatan:** Gerbang Alaf Restaurants Sdn. Bhd., yang dimiliki oleh seorang anak tempatan, Dato' Haji Azmir Jaafar, menjadi pemilik McDonald's Malaysia selepas menjadi sebahagian daripada Reza Group pada tahun 2017.

Capaian dan Kesan Sosial

- **Kapasiti Operasi:** Sehingga kini, terdapat lebih 370 restoran McDonald's di seluruh Malaysia dengan lebih 13,000 pekerja tempatan, di mana majoritinya adalah umat Islam.
- **Sumbangan Ekonomi:** McDonald's Malaysia bekerjasama dengan lebih 400 pembekal tempatan, memberi khidmat kepada lebih 9 juta pelanggan setiap bulan.
- **Komitmen terhadap Tempatan:** 100% pekerja McDonald's Malaysia adalah rakyat tempatan dan 90% daripadanya adalah umat Islam, menunjukkan

komitmen syarikat ini dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Dari sudut pandang ekonomi, model perniagaan McDonald's Malaysia menunjukkan keupayaan syarikat ini untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran tempatan.



“

100% pekerja McDonald's Malaysia adalah rakyat tempatan dan majoritinya adalah umat Islam, menunjukkan komitmen syarikat ini dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

”

Sumbangan McDonald's Malaysia

Sumbangan McDonald's Malaysia kepada komuniti di-
bawakan menerusi aktiviti yang dilaksanakan sepanjang
tahun, melibatkan lebih 370 restorannya di seluruh negara.
Di bawah payung Program Komuniti McDonald's & RMHC,
hampir 19,000 program kemasyarakatan dianjurkan setiap
tahun. Bentuk sumbangan ini merangkumi kerjasama eksklusif
bersama Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia
(RMHC Malaysia), selain usaha kolektif kedua-dua entiti tersebut
untuk memperluas capaian dan impak positif dalam kalangan
masyarakat.

Inisiatif-inisiatif yang dijalankan tertumpu kepada beberapa
aspek utama, seperti menyantuni keperluan komuniti Muslim,
membantu golongan memerlukan tanpa mengira latar belakang,
menawarkan peluang latihan vokasional buat anak muda, serta
menyediakan sokongan jangka panjang khususnya buat kanak-
kanak kurang bernasib baik.

Program Komuniti kepada Masyarakat Muslim

① Program Moreh Mekdi

Dalam usaha memeriahkan sambutan Ramadan, McDonald's
Malaysia menganjurkan Program Moreh Mekdi yang men-
yumbangkan jamuan moreh kepada jemaah masjid selepas
solat Tarawih. Program ini dijalankan di seluruh negara dengan

penglibatan setiap restoran McDonald's Malaysia. Beberapa masjid turut dipilih untuk dilaksanakan program berskala lebih besar seperti:

- **Gotong-royong memasak juadah dan bubur lambuk**
- **Pengedaran bubur lambuk kepada komuniti setempat**
- **Menaja sesi ceramah sebelum berbuka puasa**
- **Menyumbang wang tunai kepada masjid**
- **Menyalurkan sumbangan kepada golongan memerlukan seperti ibu tunggal, pesakit kanser, dan keluarga asnaf**



② Program Sumbangan Lembu Korban

Bagi menyemarakkan sambutan Aidiladha, McDonald's Malaysia turut menyumbangkan lembu korban kepada masjid. Dalam masa yang sama, pekerja asnaf di McDonald's Malaysia diberi peluang untuk mewakili syarikat bagi tujuan ibadah korban tersebut, sekaligus memberi manfaat kepada komuniti setempat.



③ Program Bulan Komuniti McDonald's Malaysia

Setiap tahun, *Program Bulan Komuniti McDonald's Malaysia* memberi tumpuan kepada sambutan hari lahir kanak-kanak dari rumah kebajikan di seluruh negara. Hampir 12,000 anak-anak yatim daripada 400 rumah kebajikan menerima manfaat ini setiap tahun. Rumah-rumah kebajikan tersebut, yang sebahagian besarnya melibatkan rumah anak yatim Muslim dan pusat-pusat tahfiz, turut menerima sumbangan wang tunai serta barangan keperluan seperti peralatan elektrik, katil, dan tilam. RMHC Malaysia pula menyumbangkan Pek Kembali ke Sekolah untuk melengkapkan keperluan persekolahan mereka.



④ Bantuan Banjir McDonald's Malaysia

Setiap kali banjir melanda di kawasan-kawasan seperti pantai timur dan utara semenanjung, McDonald's Malaysia tampil memberikan bantuan dalam bentuk barangan keperluan asas kepada mangsa-mangsa banjir. Usaha segera ini membantu meringankan beban penduduk yang terjejas dan mempercepat proses pemulihan mereka.



⑤ Pembayaran Zakat Korporat

Sebagai syarikat yang prihatin terhadap tanggungjawab keagamaan di Malaysia, McDonald's Malaysia turut menunaikan kewajipan zakat korporat. Sumbangan tersebut dibayar kepada institusi zakat di setiap negeri, dengan jumlah keseluruhan



mencecah RM12 juta sejak 2017. Inisiatif ini mencerminkan komitmen syarikat untuk menyantuni keperluan masyarakat Muslim dan menambah dana zakat yang kemudian diagihkan kepada golongan asnaf.

⑥ **Kembara Komuniti Masjid**

Melalui Kembara Komuniti Masjid, McDonald's Malaysia mengunjungi masjid-masjid yang mempunyai ke-unikan seni bina dan program komuniti di seluruh negara. Inisiatif ini turut disertai aktiviti kemasyarakatan, seperti memberi sumbangan perabot bagi kelas tambahan kanak-kanak, menyantuni pesakit kanser, dan pelbagai bentuk sokongan lain bagi memantapkan peranan masjid sebagai pusat pembangunan komuniti.



Program Komuniti McDonald's kepada Masyarakat Umum

Selain menyantuni komuniti Muslim, McDonald's Malaysia mengendalikan pelbagai program yang memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama. Salah satu contohnya ialah program Menceriaikan Warga Emas, di mana sambutan khusus seperti Hari Bapa dan perayaan Tahun Baru Cina turut melibatkan warga emas di rumah-rumah

kebajikan. Bantuan wang tunai dan barangan keperluan asas juga disalurkan bagi meningkatkan keselesaan mereka.



Kerjaya bersama McDonald's

McDonald's Malaysia juga memainkan peranan dalam pembangunan modal insan melalui *Program Perantis Vokasional McDonald's*. Dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia menerusi Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), program ini memberi peluang kepada anak muda yang berminat menceburi bidang perkhidmatan makanan untuk mendapatkan pendidikan dan latihan profesional. Semua kos pengajian,



kediaman, insurans, elaun, dan pakaian seragam ditanggung oleh McDonald's Malaysia.

Latihan yang ditawarkan merangkumi beberapa peringkat kelayakan:

- ✓ **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2** – Khusus untuk lepasan Tingkatan 3 dan SPM.
- ✓ **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3** – Dibuka untuk lepasan SKM Tahap 2.
- ✓ **Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4** – Setaraf diploma bagi pekerja yang telah mempunyai SKM Tahap 3.
- ✓ **Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5** – Setaraf ijazah bagi pekerja yang memegang DKM Tahap 4.

Inisiatif ini membolehkan kru restoran meningkatkan kemahiran dan melonjakkan kerjaya mereka ke bahagian pengurusan restoran. Hasilnya, lebih ramai tenaga mahir dan profesional dapat dibangunkan, sekali gus menyumbang kepada ekonomi serta prospek pekerjaan di Malaysia.

Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (RMHC Malaysia)

RMHC Malaysia merupakan badan kebajikan bukan berasaskan keuntungan yang ditubuhkan pada tahun 1990. Berperanan sebagai rakan kebajikan pilihan McDonald's Malaysia, persatuan ini memfokuskan usaha untuk membantu kanak-kanak kurang bernasib baik daripada keluarga kurang berkemampuan. Sumbangan dan bantuan RMHC Malaysia direalisasikan menerusi empat program utama:

- **Rumah Ronald McDonald** – Menyediakan penginapan sementara bagi ibu bapa yang mempunyai anak menjalani rawatan di hospital. Empat rumah telah didirikan di seluruh negara, memanfaatkan lebih 1,000 keluarga setahun.



- **Bilik Terapi Sensori Ronald McDonald** – Sehingga kini, 35 Bilik Terapi Sensori telah disediakan di seluruh negara untuk kanak-kanak dengan keperluan khas, memanfaatkan lebih 4,500 kanak-kanak setiap tahun.
- **Program Anugerah Senyuman** – Membiayai pembedahan kanak-kanak dengan masalah klef bibir dan langit, di mana lebih 1,500 kanak-kanak telah menerima pembedahan yang mengubah hidup mereka.
- **Program Pek Kembali ke Sekolah** Menyediakan kelengkapan persekolahan buat hampir 200,000 pelajar dari keluarga yang memerlukan, sekali gus membantu meningkatkan keyakinan diri mereka.

Sejak ditubuhkan, RMHC Malaysia telah menyumbang dana melebihi RM60 juta dan memberi impak kepada hampir 250,000 kanak-kanak. Melalui kerjasama erat bersama McDonald's Malaysia, RMHC Malaysia terus berusaha meringankan beban keluarga yang memerlukan sambil memberi peluang anak-anak ini untuk terus maju dalam pendidikan dan kehidupan seharian.



Secara keseluruhan, sumbangan McDonald's Malaysia merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat—daripada bantuan khusus kepada komuniti Muslim sempena Ramadan dan Aidiladha, inisiatif umum untuk warga emas dan mangsa banjir, hingga ke program vokasional yang membuka jalan kerjaya kepada anak muda. Sokongan dan bantuan jangka panjang yang dianjurkan bersama RMHC Malaysia pula telah membuktikan komitmen berterusan McDonald's dalam membantu kanak-kanak kurang bernasib baik. Melalui pelbagai program dan kerjasama ini, McDonald's Malaysia berusaha mengukuhkan lagi peranan sosialnya sebagai sebuah syarikat yang menyumbang secara aktif, bersifat inklusif, dan peka kepada keperluan masyarakat di Malaysia.



Rumah Ronald McDonald di Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM,
Kuala Lumpur

“

**McDonald's Malaysia berusaha
mengukuhkan lagi peranan
sosialnya sebagai sebuah syarikat
yang menyumbang secara aktif,
bersifat inklusif, dan peka kepada
keperluan masyarakat di Malaysia.**

”

BAB 4

Isu Boikot McDonald's Malaysia

Analisis Syariah dan Realiti di Malaysia

Berkenaan isu ini, secara asasnya, kami dengan tegas menyatakan bahawa tidak wajar untuk kita menyokong atau membantu mana-mana pihak sekiranya jelas bahawa bantuan atau perbelanjaan kita disalurkan kepada tindakan yang menumpahkan darah umat Islam atau memerangi mereka. Hal ini berlandaskan firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ
وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk melakukan kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan dalam perkara dosa (maksiat) dan permusuhan.”

(Surah al-Ma'idah: 2)

Al-Tabari menjelaskan bahawa maksud ayat ini adalah agar orang-orang yang beriman saling membantu dalam kebajikan, iaitu melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT, sementara takwa merujuk kepada menjauhi apa yang dilarang oleh-Nya serta meninggalkan perbuatan dosa. Ibn Kathir pula menyatakan bahawa Allah SWT melarang kerjasama dalam kebatilan atau dalam perkara yang membawa kepada dosa dan perkara yang haram. (Lihat *Tafsir al-Quran al-'Azim*, 2/13).

Adapun, jika syarikat tersebut dimiliki oleh umat Islam dan pada dasarnya hanya mempunyai hubungan korporat amat kecil dengan syarikat induk yang terlibat, sedangkan mereka berlepas diri daripada menyokong Israel berbanding syarikat induk, perkara ini perlu diteliti secara mendalam dan seadilnya. Hal ini kerana muamalat global sememangnya sering terkait sedikit sebanyak dengan individu atau entiti bukan Islam. Di samping itu, beberapa perkara perlu diambil kira agar tindakan kita dilakukan dengan hikmah dan pengetahuan yang tepat. Antaranya, sebagai contoh:

- Syarikat tersebut dimiliki oleh umat Islam.
- Syarikat tersebut membayar zakat.
- Syarikat tersebut aktif dan banyak melaksanakan kebajikan atau memberi sumbangan amal.
- Syarikat tersebut menggaji ramai pekerja Muslim yang bergantung kepada pendapatan tersebut untuk menanggung keluarga mereka.

- Syarikat tersebut menawarkan peluang perniagaan kepada francais yang membantu membina kehidupan dan memperluas peluang pekerjaan, terutama kepada umat Islam.
- Syarikat tersebut mendapatkan sumber bahan mentah seperti ayam dan telur daripada pembekal Muslim.

Faktor-faktor ini merupakan antara perkara yang perlu dipertimbangkan agar tindakan yang diambil membawa lebih banyak maslahat kepada umat Islam berbanding mudarat.

Menyedari hakikat ini, kami menasihatkan agar setiap tindakan terhadap syarikat yang dikatakan membantu Israel dilakukan dengan teliti dan berpandukan bukti yang sahih. Sebagaimana kaedah menyebut:

إِنْ كُنْتَ نَاقِلًا فَعَلَيْكَ بِالتَّصْحِيحِ
وَإِنْ كُنْتَ مُدَّعِيًا فَعَلَيْكَ بِالدَّلِيلِ

“Jika kamu ingin menukarkan sesuatu, maka pastikan kesahihannya terlebih dahulu.

Dan jika kamu ingin membuat dakwaan, maka hendaklah mengemukakan bukti.”

Kami turut menasihatkan McDonald's Malaysia yang didakwa terlibat dalam membantu Israel agar menjelaskan polisi sebenar mereka dan memastikan tiada penglibatan langsung dengan perkara tersebut. Langkah-langkah seperti yang dilakukan oleh McDonald's Malaysia untuk menjelaskan polisi mereka adalah amat baik. Kami juga mencadangkan agar zakat yang dibayar oleh McDonald's Malaysia diagihkan kepada setiap negeri mengikut jumlah keuntungan dalam negeri masing-masing supaya manfaatnya dapat dirasakan secara menyeluruh.

Di samping itu, bantuan-bantuan yang diberikan kepada masyarakat Malaysia perlu diwar-warkan bagi menunjukkan bahawa syarikat tersebut bebas melaksanakan aktiviti kebaikan mengikut kehendak mereka.

Kami percaya bahawa perniagaan yang dilakukan oleh individu Muslim, selagi mana mereka memahami tanggungjawab terhadap saudara seagama akan sentiasa berusaha menjauhkan diri daripada tindakan yang menyokong rejim zionis Israel yang menjarah bumi Palestin.

“

Ini adalah kejahilan (kekurangan ilmu) tentang realiti komersial. Restoran seperti ini di setiap negara dikendalikan dan dimiliki oleh penduduk tempatan. Mereka hanya menggunakan hak jenama dan resipi.

- Syeikh Dr Sulaiman al-Ruhayli -

”

Pendapat Ulama tentang Boikot McDonald's

Antara kaedah yang perlu diberi perhatian dalam isu ini ialah:

الْوَسَائِلُ لَهَا أَحْكَامُ الْمَقَاصِدِ

Maksudnya: *“Semua wasilah atau kaedah, hukumnya adalah seperti hukum bagi objektif yang hendak dicapai.”*

Kaedah ini telah disebut oleh ramai ulama dan fuqaha', antaranya ialah Imam al-Qarafi dalam kitabnya al-Furuq. Menurut beliau, kaedah ini hendaklah difahami dengan teliti: jika sesuatu wasilah itu haram, maka hukumnya haram; dan jika wasilahnya wajib, maka hukumnya wajib. Begitu juga dengan hukum-hukum lain. (Lihat **al-Furuq**, 3/111-112)

Dengan memerhatikan tabiat akad dalam muamalat, jelas menunjukkan kepada kita bahawa ia bukan bermaksud pada zatnya, tetapi sebagai wasilah yang menyampaikan kehendak manusia sama ada kepada sesuatu benda atau manfaatnya. Oleh itu, ia termasuk dalam kategori *wasail*.

Ibn Qudamah menyatakan dalam menerangkan hikmah pensyariatan jual beli: Ini kerana keperluan manusia sering berkait dengan barangan yang berada dalam pemilikan orang lain, sedangkan pemiliknya tidak akan memberikannya tanpa gantian (*iwadh*). Maka, pensyariatan jual beli dan pengharusan-

nya adalah pensyariatan jalan yang membawa kepada tercapainya tujuan masing-masing dan terpenuhinya keperluan mereka.” (Lihat *al-Mughni*, 6/7)

Kerana itu, Ibn al-Qayyim menyatakan bahawa wasilah-wasilah terbahagi kepada beberapa bahagian bergantung kepada natijahnya, sama ada maslahat atau *mafsadah*. (Lihat *I’lam al-Muwaqqi’in*, 3/110-126)

Di sini, kami kemukakan beberapa pandangan dan fatwa ulama berkenaan dengan isu memboikot barangan McDonald’s:

Syeikh Abdullah bin Bayyah¹

Beliau merupakan seorang ulama tersohor yang dikenali dengan keilmuan yang mendalam dan peranan pentingnya dalam pelbagai bidang agama dan undang-undang. Beliau dibesarkan

1 Syeikh Abdullah bin Bayyah dilahirkan pada tahun 1935 di bahagian timur Mauritania dalam keluarga yang terkenal dengan keilmuan. Bapanya, Syeikh Mahfoudh Ben Bayyah, adalah seorang ulama terkemuka dan ketua Persidangan Ulama Mauritania. Beliau menuntut ilmu di Mahadhir, pusat pengajian tradisional di Mauritania, dan menguasai pelbagai cabang ilmu agama seperti fiqh, usul fiqh, nahu, balaghah, tafsir al-Quran, dan hadith. Beliau melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang di Tunisia pada tahun 1961, di mana beliau mendapat tempat pertama dalam kertas penyelidikan mengenai kaedah fiqh dan undang-undang. Setelah kembali ke Mauritania, beliau memegang pelbagai jawatan penting termasuk Menteri Hal Ehwal Islam, Menteri Pendidikan Asas, dan Timbalan Perdana Menteri. Selain itu, beliau turut bergiat aktif dalam pelbagai organisasi antarabangsa seperti Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah dan Pusat Global Pembaharuan di London. Kini, beliau aktif mempromosikan tema keamanan di seluruh dunia. (Lihat juga <https://binbayyah.net/english/bio/>, Diakses pada 10 Januari 2025).

dalam keluarga ulama yang terkenal dan kini memegang jawatan sebagai Pengerusi Majlis Fatwa Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Pada 5 November 2023, kami sempat mengunjungi kediaman Syeikh Abdullah bin Bayyah di Abu Dhabi dan membincangkan isu boikot, khususnya di Malaysia. Selepas diberi penerangan, beliau mengemukakan beberapa perkara penting yang perlu diteliti:



Pertama: Pihak pemerintah hendaklah menentukan berdasarkan kebaikan dan keburukan mana yang lebih dominan.

Kedua: Hendaklah melihat kepada masalah dan manfaat berdasarkan pertimbangan akal yang sahih.

Ketiga: Hendaklah mempertimbangkan kesan boikot tersebut, khususnya terhadap umat Islam.

Apabila semua ini dapat diteliti dengan baik, keputusan hendaklah diambil berdasarkan garis panduan yang telah diberikan ini.

Daripada Abu Hurairah R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اِحْرَصْ عَلَىٰ مَا يَنْفَعُكَ، وَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ

Maksudnya: “Utamakanlah (berusahalah) terhadap perkara yang mendatangkan manfaat kepadamu, dan sentiasalah memohon pertolongan Allah tanpa merasa lemah semangat.”²

Imam al-Nawawi berkata: Sabda Rasulullah SAW, ‘اِحْرَصْ عَلَىٰ مَا يَنْفَعُكَ – huruf ra’ dibaca dengan baris bawah (*kasrah*), manakala pada perkataan ‘وَلَا تَعْجِزْ’, huruf jim juga dibaca dengan baris bawah. Diriwayatkan, kedua-duanya juga boleh dibaca dengan baris atas (*fathah*). Maksudnya adalah bersungguh-sungguhlah dalam ketaatan kepada Allah dan berkeinginanlah terhadap apa yang ada di sisi-Nya. Mohonlah pertolongan Allah dan jangan malas dalam berusaha taat serta berdoa. (Lihat ***al-Minhaj Syarh Sahih Muslim***, 16/215)

2 Sabda Rasulullah SAW ini merupakan kalimah yang menyeluruh dan bermanfaat, mengandungi panduan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Perkara yang bermanfaat terbahagi kepada dua jenis: perkara agama dan perkara dunia. Seorang hamba memerlukan perkara dunia sebagaimana dia memerlukan perkara agama. Kebahagiaan dan kejayaannya bergantung kepada kesungguhannya dan usahanya dalam perkara-perkara yang bermanfaat daripada kedua-dua jenis ini, disertai dengan memohon pertolongan kepada Allah SWT. Apabila seorang hamba bersungguh-sungguh dalam mencari perkara yang bermanfaat, berusaha dengan tekun untuk mencapainya, menempuh jalan dan cara yang membawa kepada keberhasilannya, serta memohon pertolongan kepada Tuhannya untuk mendapatkannya dan menyempurnakannya, maka itulah kesempurnaan dirinya dan tanda kejayaannya. Namun, jika salah satu daripada tiga perkara ini tidak dipenuhi, maka dia akan kehilangan kebaikan sesuai dengan kadar kekurangannya. (Lihat ***Bahjah Qulub al-Abrar***, hlm. 35)

Syeikh Dr. Ahmad bin 'Abd al-'Aziz al-Hadda³

Syeikh Dr. Ahmad bin 'Abd al-'Aziz bin Qasim al-Haddad memainkan peranan penting sebagai Mufti Dubai serta anggota pelbagai majlis fatwa antarabangsa, termasuk Majlis Fiqh Islam Antarabangsa sejak 14 Mac 2017. Kami sempat bertemu dengannya bagi mendapatkan pandangan beliau.



Syeikh Dr. Ahmad memberi pandangan bahawa manfaat boikot itu perlu dipertimbangkan dengan teliti, termasuk kesannya terhadap isu yang sedang berlaku. Pandangan ini disampaikan pada 6 November 2023 di Hotel Rixos, Abu Dhabi.

³ Syeikh Dr. Ahmad bin 'Abd al-'Aziz bin Qasim al-Haddad (lahir pada tahun 1955) memiliki ijazah sarjana muda, sarjana, dan doktor falsafah dalam bidang Syariah Islamiah daripada Universiti Umm al-Qura. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan penting seperti Ketua Mufti dan Pengarah Jabatan Fatwa, ahli Majlis Ulama Tertinggi di Dubai, ahli Majlis Fatwa Emiriah yang mewakili Emiriah Dubai, ahli Jawatankuasa Fatwa di Abu Dhabi (di bawah Jabatan Kehakiman), dan ahli Majlis Hukama' Muslimin. Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Tertinggi Syariah bagi aktiviti kewangan dan perbankan Islam di Bank Pusat, serta terlibat dalam jawatankuasa syariah di pelbagai institusi seperti Perbadanan Wakaf Umum dan Dana Zakat. Keilmuan beliau mencakupi bidang kewangan Islam, wakaf, dan fatwa syariah, menjadikannya tokoh utama dalam memberikan panduan dalam bidang ini. (Lihat <https://iifa-aifi.org/ar/14764.html>. Diakses pada Januari 2025).

Syeikh Dr Sulaiman al-Ruhayli ⁴

Syeikh Sulaiman bin Sulaimullah al-Ruhaili adalah seorang ulama terkemuka yang berasal dari Madinah al-Munawwarah. Beliau adalah pensyarah dalam bidang usul fiqh di Universiti Islam Madinah, selain aktif mengajar di Masjid Nabawi.



Beliau ditanya tentang hukum memboikot restoran McDonald's di negara Islam kerana beberapa francaisnya yang menyokong Israel. Beliau menjelaskan:

“ Ia adalah kejahilan (kekurangan ilmu) tentang realiti komersial. Restoran seperti ini di setiap negara dikendalikan dan dimiliki oleh penduduk tempatan. Mereka hanya menggunakan hak jenama dan resipi.

⁴ Syeikh Sulaiman bin Sulaimullah al-Ruhaili dilahirkan pada tahun 1966M di Madinah al-Munawwarah dan berasal dari kabilah Harb. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang mencintai ilmu, di mana ayah beliau sering membawa beliau menghadiri majlis para ulama, termasuk Syeikh Umar Fallarah dan Syeikh Abu Bakar al-Jaza'iri. Beliau memulakan hafazan al-Quran sejak kecil dan mengkhatamkan hafazan sebelum usia sepuluh tahun di bawah bimbingan Syeikh 'Atiq bin Jabar al-Ruhaili. Pendidikan lanjutnya di Universiti Islam Madinah membawanya ke puncak kecemerlangan akademik dalam bidang Syariah dan usul fiqh sehingga peringkat doktor falsafah. (Lihat <https://sualruhaily.com/page/15>. Diakses pada 10 Januari 2025)

Sebagai contoh, McDonald's di Arab Saudi adalah syarikat Arab dan tiada kaitan dengan yang di Amerika. Keadaan yang sama berlaku di Kuwait, Mesir, dan negara-negara lain. Menggeneralisasikan isu ini adalah tidak adil kepada umat Islam kerana syarikat-syarikat ini menggaji ramai pekerja Muslim.

Malah, sebahagian syarikat ini turut menyumbang kepada kebajikan di negara Islam. Justeru, kempen boikot terhadap mereka (McDonald's) hanya kerana terdapat francais tertentu yang menyokong Yahudi adalah tidak dibenarkan. Ini adalah suatu kezaliman terhadap umat Islam. ⁵ ”

Syeikh Usamah Sulaiman ⁶

Beliau pernah ditanya tentang hukum memboikot produk makanan golongan kafir. Jawapannya ialah bahawa pemboikotan memerlukan garis panduan syarak dan harus mem-

⁵ Lihat https://www.youtube.com/watch?v=Rw8_XNgaeLs. Diakses pada 26 Disember 2023.

⁶ Syeikh Usamah Ali Muhammad Sulaiman dilahirkan pada 22 Februari 1962. Beliau memiliki kelayakan akademik dalam pelbagai bidang, termasuk Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (1984) dan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dalam bidang Tafsir dari Universiti Al-Azhar (1997). Seterusnya, beliau melanjutkan pengajian ke peringkat persediaan sarjana di Fakulti Darul Ulum, Jabatan Akidah, pada tahun 2000 dan memperoleh Sarjana dengan tesis bertajuk *al-Manhaj al-Akhlaqi 'Inda al-Hafiz bin Abi al-Dunya wa al-Hafiz al-Kharaiti*. Antara karya beliau yang terkenal adalah *Fath al-Mannan bi Bayan Amthal al-Quran*, *Al-Syafā'ah: Ma'fhumuha wa al-Radd 'Ala Munkirihā*, *'Azab al-Qabr*, *Fasl al-Khitab fi I'tiqad Uli al-Albab*, dan *Sahih al-Adzkar min Hady al-Nabi al-Mukhtar*.

pertimbangkan kesannya terhadap musuh. Beliau menekankan bahawa kesannya kepada umat Islam, terutama anak-anak kita, mungkin lebih besar daripada kesannya terhadap musuh. (Lihat *al-Ta'liq 'ala 'Uddah Syarh 'Umdah*, 34/17)



Keputusan Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI)

Jawatankuasa Muzakarah, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-125 yang bersidang pada 20 hingga 22 Rabiulawal 1446 bersamaan 24 hingga 26 September 2024 telah membincangkan mengenai Kewajipan Membela serta Mempertahankan Rakyat dan Negara Palestin daripada Pencerobohan Tentera Israel. Muzakarah telah yakin dan berpuas hati dengan hujah-hujah serta fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh penyelidik dan berpandangan seperti yang berikut:

- (a) umat Islam wajib membela serta mempertahankan rakyat dan Negara Palestin daripada segala bentuk kezaliman, pencerobohan dan penjajahan oleh rejim zionis Israel;

- (b) menyokong pengiktirafan sebuah Negara Palestin yang merdeka dan berdaulat selaras dengan resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan hak asasi manusia;
- (c) umat Islam hendaklah bersatu dalam mempertahankan dan membebaskan Masjid al-Aqsa yang merupakan kiblat pertama bagi umat Islam;
- (d) boikot adalah disyariatkan dalam Islam terutama untuk mempertahankan dan memelihara maqasid syariah. Perbuatan boikot selari dengan tuntutan jihad terutama dari segi harta. Hal ini berdasarkan maksud umum jihad fi sabilillah dalam menegakkan syiar agama Islam dan dakwah Islamiah iaitu berjihad untuk meninggikan kalimah Allah, menjamin kedudukan agama Islam, mengembangkan dakwah dan mempertahankan pendukung-pendukung agar hak-hak umat Islam tidak ditundukkan dan mereka tidak dihalang daripada melaksanakan urusan-urusan mereka.
- (e) tindakan memboikot syarikat atau entiti perniagaan yang mempunyai kepentingan dan terlibat dengan rejim zionis Israel hendaklah dilakukan berpanduan kepada beberapa parameter yang telah digariskan, antaranya:

- (i) matlamat boikot adalah untuk menekan syarikat-syarikat agar menukar polisi, visi, misi dan strategi mereka berkenaan Palestin dan memberhentikan kezaliman rejim zionis Israel;
 - (ii) dalam melaksanakan boikot, sikap tabayyun iaitu pencerahan, penerangan dan penjelasan yang hak dan yang batil mengikut fakta yang sebenar adalah amat diperlukan bagi memastikan syarikat atau produk yang ingin diboikot benar-benar ada penglibatan dengan zionis Israel. Ini bagi mengelakkan berlakunya kezaliman terhadap pihak yang tidak bersalah; dan
 - (iii) boikot hendaklah dilaksanakan secara beriman, bijak, berilmu, berhikmah, beretika dan tidak bertindak secara ekstrem, melulu, melampau dan keterlaluan.
- (f) Tindakan boikot terhadap syarikat atau entiti perniagaan yang mempunyai kepentingan dengan rejim zionis Israel dilaksanakan berdasarkan kriteria yang berikut:
- (i) terlibat dalam aktiviti penjajahan dan membantu rejim zionis Israel seperti membekalkan perkakas komputer kepada tentera Israel dan menjaga pusat-pusat data atau mengendalikan sistem yang

membentuk tulang belakang pengasingan kaum dan rejim zionis Israel;

- (ii) terlibat di dalam membekalkan jentera dan peralatan kepada rejim zionis Israel untuk mencerooboh dan memusnahkan kawasan perumahan, ladang, harta benda dan nyawa penduduk Palestin;
- (iii) terlibat di dalam pembinaan, penempatan dan kemudahan-kemudahan lain kepada rejim zionis Israel di tanah Palestin yang dicerooboh;
- (iv) mengadakan pembiayaan kewangan kepada rejim zionis Israel di dalam membangunkan tanah Palestin yang dicerooboh;
- (v) terlibat dengan pelanggaran hak asasi manusia dan melakukan seksaan serta amalan-amalan lain yang bercanggah dengan undang-undang dan kemanusiaan; dan
- (vi) terlibat menjadi penaja kepada aktiviti propaganda, sukan, filem, media sosial dan lain-lain aktiviti anjuran rejim zionis Israel.

2. JAKIM sebagai badan penyelaras telah menyembah maklum pandangan hukum tersebut kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan seterusnya ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-267 pada 23-24 Oktober 2024. Dalam hal ini, Mesyuarat Majlis Raja-Raja mengambil maklum mengenai pandangan hukum yang telah dipersetujui dan pihak berkuasa agama negeri-negeri boleh mempertimbangkan keputusan ini bagi tujuan pewartaan fatwa di negeri masing-masing.



“
Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang juga Sultan Perak Sultan Nazrin Shah berkenan berangkat untuk mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-267 di Istana Negara.
”

Pandangan Kami

Setelah membentangkan pelbagai pendapat, termasuk yang melarang dan yang membenarkan isu boikot, kami telah mengambil masa yang lama untuk meneliti perkara ini. Akhirnya, selepas mempertimbangkan pelbagai faktor dan pihak yang terlibat, serta memerhatikan sebab atau 'illah dan kesannya kepada umat Islam, kami cenderung memilih pandangan tokoh-tokoh seperti Syeikh Abdullah bin Bayyah dan lain-lain, iaitu; Dengan mengambil kira situasi dan realiti (*waqi'*) di Malaysia, kami berpendapat bahawa tidak perlu memboikot McDonald's di Malaysia. Pendapat ini dibuat berdasarkan tarjih dan pertimbangan maslahat⁷ yang lebih besar berbanding mudarat atau mafsadah yang timbul.

Kami memetik pandangan Dr. Khalid bin Abdullah al-Syamrani yang menyatakan bahawa pelaksanaan boikot ekonomi berdasarkan kemaslahatan (*al-Masalih al-Mu'tabarah*) adalah sesuatu yang bersifat umum. Namun demikian, ia mungkin tidak dapat direalisasikan dalam sesetengah keadaan bergantung

7 Menurut Imam al-Ghazali, *al-Maslahah* ialah mendatangkan manfaat dan menolak kemudaratan (mafsadah). (Lihat *al-Mustasfa*, 2/139) Maslahah terbahagi kepada tiga: **Pertama**, *al-Masalih al-Mu'tabarah* (المَصَالِحُ الْمُعْتَبَرَةُ), iaitu kemaslahatan yang diiktiraf oleh syarak dengan pensyarian hukum-hakam yang menjaga lima keperluan asas: agama, nyawa, akal, maruah, dan harta. **Kedua**, *al-Masalih al-Mulghah* (المَصَالِحُ الْمُغْلَاةُ), iaitu kemaslahatan yang dianggap bermanfaat tetapi tidak diambil kira oleh syarak. **Ketiga**, *al-Masalih al-Mursalah* (المَصَالِحُ الْمُرْسَلَةُ), iaitu kemaslahatan yang tiada nas menyokong atau menolaknya tetapi diterima oleh ahli usul jika tidak bertentangan dengan prinsip syarak. (Lihat *al-Mustasfa*, 1/23; *al-Bahr al-Muhit*, 6/98)

kepada faktor masa dan tempat. Oleh itu, dalam meneliti isu boikot ekonomi sebagai salah satu senjata pencegahan dan alat tekanan, kita perlu mengambil kira fiqh pertimbangan (*fiqh al-Muwazannah*)⁸ antara kemaslahatan dan kemudharatan.⁹ Hal ini demikian kerana boikot ekonomi berkemungkinan membawa kepada kehilangan kemaslahatan yang lebih besar daripada kemaslahatan yang ingin dicapai, atau menyebabkan kemudharatan yang lebih besar daripada kemudharatan yang ingin dielakkan. (Lihat ***al-Muqata'ah al-Iqtisadiyyah: Haqiqatuha wa Hukmuha***, hlm. 57-58)

8 Secara umum, "*Fiqh al-Mizan*" atau "*Fiqh al-Muwazannah*" merujuk kepada kaedah dalam ilmu usul fiqh yang menitikberatkan proses menilai, menimbang dan mengutamakan (*muwazannah*) antara pelbagai dalil, kemaslahatan (manfaat) dan kemudharatan (*mafsadah*) semasa mengeluarkan hukum. Melalui pendekatan ini, seorang fuqaha (ulama fiqh) tidak hanya melihat sesebuah dalil secara terpisah, bahkan turut mempertimbangkan kesan pelaksanaan hukum tersebut terhadap keadaan semasa dan realiti umat Islam. Ia juga berkaitan dengan kaedah "*muwazannah al-maslahah wa al-mafsadah*" (menimbang antara manfaat dan mudharat) serta "*tahqīq al-manāt*" (memastikan sebab-sebab hukum diaplikasikan dengan tepat).

9 Secara ringkasnya, mafsadah merujuk kepada segala bentuk keburukan atau kemudharatan yang menimpa individu atau masyarakat, sama ada dari aspek duniawi mahupun ukhrawi. Dalam usul fiqh, mafsadah perlu dielakkan atau diminimalkan kerana tujuan utama syariat ialah menarik kebaikan (*jalb al-masalih*) dan menolak keburukan (*dar' al-mafasid*). Menurut Imam al-Ghazali, mafsadah ialah apa-apa yang membatalkan kemaslahatan dan mendatangkan mudarat kepada manusia, maka wajib dielakkan demi menjaga maqasid syariah (Lihat *al-Mustasfa*, 1/174–175). Imam al-Syatibi pula menjelaskan bahawa mafsadah merosakkan maqasid syarak, termasuk aspek daruriyyat, hajiyyat, dan tahsiniyyat (Lihat *al-Muwafaqat*, 2/8–10). Justeru, syariat bertujuan mengangkat kemaslahatan dan menolak kemudharatan daripada hamba Allah (Lihat *Irsyad al-Fuhul*, hlm. 218).

Dalam meneliti keputusan Muzakarah yang dinyatakan pada poin (e) dan (f), kami berpendapat bahawa apa yang dibincangkan dalam poin (e) tidak berlaku kepada McDonald's Malaysia. Begitu juga dengan poin (f), adalah amat jauh untuk mengatakan bahawa sumbangan diberikan oleh McDonald's Malaysia kepada Israel. Sebaliknya, kami mendapati bahawa McDonald's Malaysia tidak terlibat dengan tindakan serupa seperti yang dilakukan di tempat lain. Hal ini berdasarkan fakta yang telah kami nyatakan, di samping tindakan mereka yang jelas menunjukkan bahawa mereka tidak menyokong rejim Zionis. Malah, mereka turut menginfakkan sebahagian daripada hasil mereka untuk membantu rakyat Palestin.



McDonald's Malaysia Sahkan Sumbangan ke Dana Kemanusiaan Palestin

McDonald's Malaysia mengesahkan sumbangannya sebanyak RM1 juta kepada Dana Kemanusiaan Palestin yang baru dilancarkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Langkah ini adalah selaras dengan hasrat murni kerajaan seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa pembentangan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat.

Usul Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk memperuntukkan RM10 juta kepada Dana Kemanusiaan Palestin adalah sejajar dengan komitmen kami untuk menyokong mereka yang terjejas akibat konflik di Gaza. Krisis kemanusiaan yang semakin menekan di Gaza mengetengahkan kepentingan usaha ini. Lantaran itu, McDonald's Malaysia berganding bahu bersama kerajaan dalam menyokong pendanaan ini dengan harapan supaya membantu rakyat Palestin yang sedang menghadapi masa yang sukar.

Sumbangan McDonald's Malaysia ke Dana Kemanusiaan Palestin ini akan secara langsung menyokong misi bantuan kemanusiaan di Gaza, lantas memenuhi keperluan kritikal bagi mereka yang terjejas akibat konflik tersebut. Bantuan ini meliputi perubatan, makanan, tempat tinggal, dan bantuan pemindahan sekiranya diperlukan oleh pasukan penyelamat. Komitmen kami tertumpu sepenuhnya kepada menyediakan keperluan asas kepada mereka yang dalam kesusahan.

Kami yakin semangat kerjasama dapat membantu dalam masa yang genting ini. Selain sumbangan ini, McDonald's Malaysia juga menggalakkan pekerja-pekerja dari seluruh negara untuk menyertai usaha pengumpulan dana. Kami berharap usaha ini akan memberi impak yang bermakna dalam kehidupan mereka yang terkesan di Gaza.

17 Oktober 2023

Dikeluarkan oleh McDonald's Malaysia

Beberapa Cadangan

Kami mencadangkan kepada pihak McDonald's Malaysia beberapa langkah berikut:

- ➔ **Membentuk panel penasihat Syariah untuk mengkaji dasar dan polisi sedia ada serta memastikan hala tuju operasi selaras dengan prinsip Syariah.**
- ➔ **Sentiasa mengambil berat terhadap isu semasa yang melibatkan umat Islam di seluruh dunia, dengan memberikan sokongan dan bantuan yang sewajarnya.**
- ➔ **Meneruskan usaha menunaikan zakat serta memperluaskan aktiviti kebajikan yang telah dilaksanakan supaya lebih berkesan dan menyeluruh.**
- ➔ **Membina dan mengurus platform media sosial secara aktif dan proaktif untuk memaklumkan kepada masyarakat mengenai aktiviti kebajikan yang telah dijalankan, terutamanya inisiatif yang memberi manfaat kepada komuniti masyarakat.**



PENUTUP

Sesungguhnya, isu boikot ini mungkin dipandang remeh oleh sesetengah pihak, tetapi hakikatnya memberi kesan mendalam kepada yang lain. Kami juga menyatakan bahawa berdasarkan kesepakatan ulama:

الأَصْلُ فِي الْمُعَامَلَاتِ الْحِلُّ وَالْإِبَاحَةُ

Maksudnya: *“Hukum asal bagi muamalat adalah halal dan harus.”*

Hal ini melainkan selepas itu terdapat dalil yang menunjukkan kepada hukum yang sebaliknya, iaitu haram dan tidak dibolehkan. Begitu juga, dalam konteks bermuamalah secara ekonomi dengan orang bukan Islam, hukum asalnya adalah harus secara umum, kecuali terdapat pengecualian dalam bab tertentu sahaja. (Lihat *I'lam al-Muwaqqi'in*, 1/295 dan *al-Qawa'id wa al-Usul al-Jami'ah*, hlm. 30)

Kadangkala, perkara ini juga melibatkan saudara-saudara kita yang bergantung kepada sumber rezeki untuk menyara kehidupan mereka dan keluarga. Oleh itu, setiap tindakan yang diambil perlulah mengambil kira natijah dan implikasi yang baik, berdasarkan pertimbangan antara maslahat dan mafsadah.

Sehubungan itu, seorang ulama pernah menyatakan: *“Boikot ekonomi pada asalnya adalah harus. Namun, ia boleh menjadi wajib, sunat, atau haram berdasarkan kepada pertimbangan maslahat dan mafsadah.”* (Lihat ***al-Muqata’ah al-Iqtisadiyyah: Haqiqatuha wa Hukmuha***, hlm. 77)

Kami sangat insaf dan amat berdukacita atas penderitaan yang telah dialami oleh Palestin selama lebih 70 tahun lalu sehingga hari ini. Konflik yang berlarutan ini telah menyebabkan penderitaan yang tiada penghujung kepada saudara-saudara kita, khususnya di Gaza. Sebagai usaha meningkatkan kesedaran dan sokongan, kami telah menerbitkan sebuah buku dan e-buku berjudul **Taufan al-Aqsa: Bantuan Tuhan**.

Berdasarkan pendirian ini, kami memohon petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT, serta keampunan-Nya melalui firman-Nya:

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا ۖ رَبَّنَا وَلَا
تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ

قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ^ط وَاعْفُ
عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى
الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami ! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir.”¹

(Surah al-Baqarah: 286)

1 Menurut Ibn Abi Zamanin, ayat “إِنْ نَسِينَا” merujuk kepada lupa melaksanakan perintah atau melakukan larangan, manakala “أَوْ أخطأْنَا” merujuk kepada kesilapan yang tidak disengajakan yang mungkin membawa kepada dosa. Hasan al-Basri menjelaskan bahawa doa ini diajarkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW dan orang beriman, dan Allah telah mengampuni baginda. (Lihat *Tafsir al-Qur'an al-Aziz*, 1/272).

Sebagai penutup, marilah kita bermunajat mendoakan kesejahteraan saudara-saudara kita di Palestin:

اللَّهُمَّ أَنْجِ الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: “Ya Allah selamatkanlah orang-orang yang lemah dari kalangan orang-orang yang beriman.”

اللَّهُمَّ مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَمُجْرِيَ السَّحَابِ، وَهَازِمَ
الْأَحْزَابِ، اهْزِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ

Maksudnya: “Ya Allah yang menurunkan Kitab, yang menjalankan awan, yang menghancurkan pasukan musuh, kalahkan mereka dan bantulah kami menewaskan mereka.”



BIBLIOGRAFI

Ahmad 'Atiyyah (1980). ***Al-Qamus al-Siyasi*** (Cet. 4). Kaherah: Dar al-Nahdhah al-Arabiyyah.

Al-Ghazali, Abu Hamid (1973). ***Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul***. Mesir: Maktabah Tijariyyah al-Kubra.

Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (1930). ***Al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim bin al-Hajaj***. Pentahqiq: Mohamed Tamer. Kaherah: Matba'ah al-Masriyah bi al-Azhar.

Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. (2010). ***Al-Furuq***. Arab Saudi, Kementerian Wakaf Arab Saudi.

Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad (1997). ***Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah***. Arab Saudi: Dar Ibn Iffan.

Al-Syaukani, Muhammad Ibn Ali (1999). ***Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilm al-Usul***. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.

Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir (t.t). **Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Quran** (t.c). Pentahqiq: Mahmud Muhammad Syakir. Makkah al-Mukarramah: Dar al-Tarbiyah wa al-Turath.

Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Ziyyat, Hamid Abdul Qadir dan Muhammad Ala al-Najjar (1976). **Al-Mu'jam al-Wasit** (Cet. 2). Istanbul: Maktabah al-Islamiyyah.

Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, Syamsuddin Muhammad bin Abu Bakar bin Ayyub bin Sa'd (1991). **I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin** (Cet. 1). Pentahqiq: Muhammad 'Abd al-Salam Ibrahim. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Faris, Abu al-Husain Ahmad bin Faris bin Zakariyya (1979). **Mu'jam Maqayis al-Lughah**. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' 'Imaduddin Isma'il bin 'Umar (2000). **Tafsir al-Quran al-'Azim**. Pentahqiq: Mustafa al-Sayyid Muhammad. Kaherah: al-Faruq al-Hadithiyyah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' 'Imaduddin Isma'il bin 'Umar (1998). **Tafsir al-Quran al-'Azim** (Cet. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' 'Imaduddin Isma'il bin 'Umar (1997). **al-Bidayah wa al-Nihayah** (Cet. 1). Pentahqiq: Abdullah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki. Mesir: Dar Hajr.

Ibn Qudamah al-Maqdisi, Abu Muhammad Muwaffaq al-Din Abdullah bin Ahmad bin Muhammad (1997). ***al-Mughni*** (Cet. 3). Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.

Izz ibn 'Abd al-Salam (1991). ***Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam***. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Khalid bin Abdullah al-Syamrani (2005). ***Al-Muqata'ah al-Iqtisadiyyah: Haqiqatuha wa Hukmuha***. Riyadh: Dar Ibn al-Jauzi

Taqiy al-Din Abu al-Baqa, Muhammad ibn Ahmad ibn Abdul Aziz (Ibn al-Najjar) (1997). ***Syarh al-Kaukab al-Munir*** (Cet. 5). (t.tp.): Maktabah al-Abikan.

Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2023). ***Al-Kafi Syarah Hadis 40***. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.

Abu al-Barakat Hafizuddin Abdullah bin Ahmad bin Mahmud al-Nasafi (1998). ***Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Ta'wil*** (Cet. 1). Pentahqiq: Yusuf 'Ali Badiwi. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib.

Ahmad Mahdi Muhammad Syuwaikhat et.al (1999M) ***al-Mausu'ah al-Arabiyyah al-Alamiyyah*** (Cet.2). Riyadh: Muassasah A'mal al-Mausu'ah.

Abu 'Abdillah Muhammad bin Abdullah bin Isa bin Muhammad al-Murri, Ibn Abi Zamanin. (1423). ***Tafsir al-Qur'an al-'Aziz*** (t.c). Pentahqiq: Abu 'Abdillah Hussain bin 'Ukkasyah & Muhammad bin Mustafa al-Kunuz. Kaherah: al-Faruq al-Hadithah.

“

**Boikot ekonomi pada asalnya
adalah harus. Namun, ia boleh
menjadi wajib, sunat, atau haram
berdasarkan kepada pertimbangan
maslahat dan mafsadah.**

”